

Pusat tidak pernah amal diskriminasi

UM 17 AUG 200

KUALA TERENGGANU 16 Ogos — Kerajaan Pusat tidak pernah mengamalkan sikap diskriminasi terhadap negeri ini, malah peruntukan dan kemudahan yang begitu besar disalurkan walaupun ia diperintah oleh parti pembangkang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Seberang Takir, Datuk Abdul Rashid Ngah berkata, ini dapat dibuktikan dengan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan oleh Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, sejak negeri ini diperintah oleh Pas sudah berpuluh-puluh buah sekolah rendah dan menengah dibina bagi kemudahan pelajar mendapat pendidikan.

“Projek terbaru Kerajaan Pusat ialah membina kediaman yang lebih selesa kepada nelayan di negeri ini,” katanya ketika berucap di majlis penyerahan kunci serta surat tawaran Projek Perumahan Keluarga di Kampung Tok Jembal, di sini hari ini.

Projek yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.